

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RPW 141 Masyarakat dan Penempatan Manusia

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Soalan 1 adalah Wajib.

1. Pada pendapat anda adakah proses pembandaran yang sedang giat berlaku di Negara Ketiga sekarang serupa dengan proses pembandaran yang telah dilalui oleh Negara Maju. Bincangkan.  
(25 Markah)
2. Bincangkan sejauh mana corak dan sistem petempatan manusia di Malaysia telah dipengaruhi oleh keperluan ekonomi kuasa penjajah dahulu.  
(25 Markah)
3. Huraikan dengan ringkas strategi pembangunan petempatan manusia di Malaysia sejak Dasar Ekonomi Baru dimulakan.  
(25 Markah)
4. Apakah unsur-unsur dan komponen-komponen yang membentuk sesebuah petempatan. Bincangkan dengan berpandu kepada pendapat Doxiades.  
(25 Markah)
5. Penduduk Negara Sedang Membangun lebih terikat kepada adat resam dan/atau kepercayaan agama daripada penduduk Negara Maju. Ini bererti penggubalan dasar pembangunan untuk Negara Sedang Membangun tidak harus berpandukan kepada input fizikal dan teknik pengeluaran sahaja, tetapi harus juga mengambilkira aspek sosial-kebudayaan. Bincangkan.  
(25 Markah)

6. Terangkan bagaimana teori petempatan dapat membantu di dalam perancangan petempatan manusia khusus untuk kawasan baru.

-ooo000ooo-